

01/01/2002

53 anggota ATM berlepas ke Pakistan

Johan Afandi

SUBANG, Isnin - Seramai 53 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyertai misi penghantaran pasukan perubatan untuk bantuan kemanusiaan pelarian Afghanistan ke Pakistan (MALMEDTIM) berlepas ke Chaman, Pakistan, hari ini.

Pasukan itu diketuai Leftenan Kolonel Dr Jasemudin Abu Bakar, dan mengandungi 12 pegawai perubatan dan dibantu 41 anggota lain-lain pangkat.

Pasukan MALMEDTIM ini akan ditempatkan dua bulan di Chaman, kira-kira dua kilometer dari sempadan Afghanistan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata keputusan kerajaan menghantar pasukan perubatan ATM ke Pakistan bagi membantu pelarian Afghanistan adalah hasil idea dan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kerana hasil laporan yang kita terima mengenai keadaan pelarian di sana amat menyedihkan dan mereka menghadapi kesan peperangan yang begitu teruk sekali," katanya sebelum mengiringi pasukan MALMEDTIM di Lapangan Terbang TUDM Subang di sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Panglima ATM, Tan Sri Jeneral Mohd Zahidi Zainuddin; dan Panglima Tentera Darat, Tan Sri Jeneral Mohd Hashim Md Hussein.

Najib berkata, walaupun di Chaman terdapat beberapa pasukan perubatan yang dihantar oleh pertubuhan bukan kerajaan dan Pemuda Umno, tetapi kehadiran ATM memberikan kesan besar.

"Pasukan ini dianggotai oleh anggota berpengalaman dan terlatih. Mereka mempunyai pengalaman ketika memberi bantuan perubatan di Bosnia," katanya.

Katanya, ia adalah pasukan perubatan lengkap mengandungi pakar bedah, pakar bius, pakar perubatan dan mampu melakukan pembedahan dan x-ray.

"Mengikut laporan, keadaan di Chaman begitu mencabar kerana laporan rasmi menyatakan ada kira-kira 2.5 juta pelarian di sana dan angka ini boleh menjangkau sehingga 4 juta orang," katanya.

Sehubungan itu, Najib berkata, kerajaan memperuntukkan RM5 juta kepada pasukan ini dan membawa kira-kira 27,000 kilogram ubatan serta peralatan perubatan.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang meneruskan misi seumpama itu selepas ini, beliau berkata, setakat ini keputusan belum dibuat tetapi perkara ini akan diberi pertimbangan.

"Kalau kita rasa untuk meneruskan misi ini, pasukan perubatan di sana akan diganti tetapi setakat ini kerajaan belum pasti," katanya.

Menyentuh pergolakan antara Pakistan dan India, Najib berkata, Malaysia akan meneruskan usaha diplomatik dengan kedua-dua negara itu supaya mereka tidak mengambil tindakan ketenteraan.

"Bagaimanapun, misi kita di Pakistan mendapat kerjasama penuh kerajaan Pakistan malah mereka mengalu-alukan kehadiran pasukan itu di sana," katanya.

(END)